



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(56)

Tarikh : 20/09/2017

Ruj Tuan/ Our Ref:

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN SOKONGAN SIRI 3/2017

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN :** **PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q29**
- (b) **PENEMPATAN:** **BAHAGIAN PENYELIDIKAN**
- (c) **TARAF**
JAWATAN : Tetap/Kontrak
- (d) **JADUAL GAJI:** RM 1,496.00 (Minimum) – RM 5,676.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN:** RM 145.00
- (f) **IMBUHAN :**
 - (i) Tetap Khidmat Awam : RM160.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
 - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

 - (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (h) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED G29**
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Principal dalam subjek Matematik atau salah satu subjek Sains;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,496.00); atau

- (ii) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,496.00); atau
- (iii) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,496.00); atau
- (i) Diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,774.37); atau
- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,849.57); atau
- (iii) Diploma Sains Veterinar/Haiwan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,924.77); dan

(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan Gred G29 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(j) SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(h) di atas; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan.

(k) PENGALAMAN BEKERJA

Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang penyelidikan perhutanan (menjalankan penyelidikan menulis laporan, membuat pembentangan dan menerbitkan kertas kerja, melaksanakan penyelidikan).

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 Oktober 2017 (Jumaat)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Kotak:No. Dokumen: **10214239**